

SENDUDUK

Nama saintifik : *Melastoma malabathricum* L
Nama biasa : Singapore rhododendron
Nama tempatan : Senduduk
Famili : Melastomatacea



Pendahuluan

Pokok daripada famili melastomataceae yang berasal dari kawasan khatulistiwa dan kawasan-kawasan subtropik di mana mengandungi lebih dari 4,000 spesies di dunia. Di Asia Tenggara sahaja, genus *Melastoma* mengandungi 22 spesies manakala di Malaysia smengandungi sekurang-kurangnya 12 spesies, yang kebanyakannya digunakan oleh kaum orang asli sebagai perubatan tradisional. Senduduk merupakan pokok belukar kecil lazimnya didapati di kawasan tanah lapang, kawasan terbiar dan juga di tepi jalan .

Ciri-Ciri Tumbuhan

Pokok Senduduk merupakan tumbuhan renek kecil dan bercabang . Boleh tumbuh sehingga 3m tinggi. Daunnya berbentuk ringkas, lanseolat dan panjangnya boleh mencapai sehingga 7 cm. Daunnya hijau, tekstur kasar, ditutupi dengan bulu-bulu halus. Bunganya besar dan boleh mencapai 5-7 cm lebar.

Tabiat Tumbuhan

Tumbuhan ini boleh dibiak dengan mudah melalui biji benih. Selepas 2 minggu , biji benih di tapak semaian akan cambah. Pokok ini boleh dipindahkan ke lapangan selepas 6 minggu. Pokok ini dapat menyesuaikan dalam semua keadaan tanah dan memerlukan cahaya matahari. Jarak tanaman yang sesuai ialah 2mx2m selain. Penuaian dapat dilakukan dalam tempoh 6 bulan selepas tanaman.

Bahagian Yang Digunakan: Daun, pucuk dan akar

Amalan Tradisi Perubatan

Daun dan pucuk secara tradisinya dimakan untuk memulihkan cirit-birit. Di Malaysia, daun senduduk yang dibuat ubat pupuk digunakan untuk mencegah parut-parut luka kesan daripada kelemumur atau cacar. Air rebusan akarnya digunakan untuk melegakan sakit gigi, melembutkan kaki dan mengurangkan kembung perut. Manakala air rebusan daun dan akar diminum untuk

rawatan selepas bersalin. Air rebusan campuran daun-daun senduduk, cuka, halia bara (*Zingiber officinale*) dan bonglai (*Zingiber cassumnar*) digunakan untuk rawatan leucorrhea. Air rebusan campuran daun dan pucuk senduduk serta dicampur dengan kulit manggis atau kulit buah manggis yang dibakar menjadi arang digunakan untuk merawat cirit-birit. Serbuk daun senduduk juga digunakan untuk merawat disentri, luka-luka dan juga digunakan sebagai tonik.